

KONSEP INTEGRASI BAHASA DAN AGAMA DALAM PENDIDIKAN ISLAM: IMPLIKASI KEPADA KOMUNITI MUALAF

THE CONCEPT OF LANGUAGE AND RELIGION INTEGRATION IN ISLAMIC EDUCATION: IMPLICATIONS FOR THE MUALLAF COMMUNITY

Qurratu Aini Zulfikri ¹

Azarudin Awang ²

Azman Che Mat ³

Mohd Marbawi Taha ⁴

¹ Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu, Malaysia
(e-mail: qurratuainizulfikri97@gmail.com)

² Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu, Malaysia
(e-mail: azaru154@uitm.edu.my)

³ Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu, Malaysia
(e-mail: azman531@uitm.edu.my)

⁴ Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu, Malaysia
(e-mail: mohdmarbawi620@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 21-8-2025

Revised date : 22-8-2025

Accepted date : 23-9-2025

Published date : 15-10-2025

To cite this document:

Zulfikri, Q. A., Awang, A., Che Mat, A., & Taha, M.
M. (2025). Konsep integrasi bahasa dan agama dalam
pendidikan Islam: Implikasi kepada komuniti mualaf.
*Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 10 (76), 1241 -1249.

Abstrak: Kertas konsep ini membincangkan konsep integrasi bahasa dan agama dalam pendidikan Islam, khususnya dalam konteks komuniti mualaf. Pendidikan Islam tidak hanya membantu mualaf memahami ajaran Islam, tetapi juga berperanan dalam memperkuat identiti Islam mereka. Dalam hal ini, bahasa memainkan peranan penting sebagai alat komunikasi dan penyampaian ilmu yang lebih berkesan. Kajian ini meneliti hubungan antara bahasa dan agama dalam Pendidikan Islam, serta bagaimana integrasi kedua-dua elemen ini dapat menyokong pembelajaran dan pemahaman yang lebih baik bagi mualaf bagi mendapatkan kefahaman dalam ajaran Islam secara yang lebih holistik. Di samping itu, kajian ini juga menghuraikan mengenai cabaran dan isu yang dihadapi dalam usaha mengintegrasikan bahasa tempatan atau bahasa ibunda mualaf dengan pendidikan Islam. Penulisan ini akan menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan menganalisis dokumen yang berkaitan dengan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa implikasi penggunaan bahasa memainkan peranan penting dalam meningkatkan pemahaman dan keyakinan saudara baru, serta memperbaiki hubungan antara pengajar dan pelajar.

Kata kunci: Integrasi, Bahasa, Agama, Pendidikan Islam, Implikasi, Mualaf

Abstract: *This concept paper discusses the integration of language and religion in Islamic education, particularly in the context of the muallaf community. Islamic education not only helps muallaf understand the teachings of Islam but also plays a role in strengthening their Islamic identity. In this regard, language serves as an essential tool for communication and the effective delivery of knowledge. This study examines the relationship between language and religion in Islamic education, as well as how the integration of these two elements can support more meaningful learning and holistic understanding of Islamic teachings among muallaf. In addition, the study highlights the challenges and issues faced in the effort to integrate local or native languages of muallaf into Islamic education. This paper employs library research methods and analyzes relevant documents related to the study. The findings indicate that the implications of language use play a significant role in enhancing the understanding and confidence of new Muslims, as well as improving the relationship between educators and learners.*

Keywords: *Integration, Language, Religion, Islamic Education, Implications, Muallaf*

Pengenalan

Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk penghayatan dan kefahaman individu terhadap mempelajari ajaran Islam, khususnya dalam kalangan komuniti mualaf. Agama Islam merupakan satu rahmat yang paling sempurna yang diturunkan dan dikurniakan kepada manusia oleh Allah SWT. (Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, 2014). Islam merupakan agama Allah SWT yang diturunkan melalui Nabi Muhammad SAW dengan tujuan untuk memastikan kehidupan manusia tersusun atur dengan sebaiknya di atas muka bumi ini. (Muhammad Fikri, 2017). Saban hari kehadiran kelompok saudara baru semakin meningkat sehingga ke hari ini, dan fenomena ini sentiasa berlaku tidak kira di mana negara sama ada negara yang di sifatkan sebagai negara yang penduduknya ramai beragama Islam mahupun minoriti beragama Islam. Bagi mualaf yang baru memeluk agama Islam, cabaran utama yang dihadapi ialah bagaimana untuk memahami konsep dan ajaran agama dalam bahasa yang tidak biasa bagi mereka. Justeru, integrasi antara bahasa dan agama dalam proses pendidikan Islam menjadi satu kaedah yang signifikan. Penggunaan bahasa tempat sebagai kaedah dalam pengajaran Islam dapat membantu mualaf lebih mudah memahami, menghayati dan mengaplikasikan ajaran Islam dalam kehidupan seharian mereka. Menurut Ab. Halim (2021), dalam berdakwah kepada penganut Islam yang baharu, pendidikan Islam adalah perkara yang penting perlu di terapkan.

Konsep integrasi bahasa dan agama dalam pendidikan Islam ini merujuk kepada penggunaan bahasa yang mudah difahami oleh komuniti setempat sebagai alat untuk menyampaikan ilmu agama, sekaligus memperkukuh kefahaman mereka terhadap agama Islam. Bagi komuniti mualaf, pendekatan ini bukan sahaja memudahkan pemahaman mereka, malah berpotensi mempercepatkan proses penghayatan ajaran Islam. Artikel ini akan membincangkan kepentingan dan implikasi integrasi bahasa dan agama dalam pendidikan Islam terhadap komuniti mualaf, termasuk bagaimana pendekatan ini boleh menyumbang kepada pembangunan rohani dan intelektual mereka. Menurut Abdullah Ishak (1995), pendidikan Islam merupakan satu proses yang terhasil bagi membentuk jati diri, mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani serta nilai kemasyarakatan dan akhlak manusia bagi berasaskan nilai-nilai

Islam yang berdasarkan Al- Quran dan al- Sunnah dalam usaha melahirkan manusia yang bersifat holistik dan bertakwa hanya kepada Allah SWT.

Penyataan Masalah

Pendidikan Islam berperanan penting dalam membimbing mualaf memahami ajaran Islam, namun realitinya mereka berhadapan dengan cabaran besar iaitu halangan bahasa. Sebahagian besar pengajaran Islam disampaikan dalam bahasa yang bukan bahasa ibunda mualaf, sekali gus membataskan proses pemahaman, penghayatan dan pengamalan ajaran Islam dalam kehidupan seharian mereka (Ab. Halim, 2021). Kekangan ini menuntut pendekatan yang lebih inklusif melalui integrasi antara bahasa dan agama dalam pendidikan Islam. Integrasi ini bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian ilmu, malah menjadi jambatan untuk membina keyakinan, memperkukuh identiti Islam serta meningkatkan hubungan spiritual mualaf dengan ajaran agama (Fishman, 2001; Gordon, 2018).

Kajian tempatan turut menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu sebagai wahana dakwah dapat memudahkan pembelajaran dan mempercepat proses penghayatan ajaran Islam dalam kalangan mualaf yang bukan penutur jati bahasa tersebut (Azman Che Mat et al., 2022). Namun, modul pendidikan mualaf yang sedia ada masih berdepan kekangan kerana kandungannya kurang mengambil kira bahasa ibunda atau tahap kefahaman peserta, menyebabkan keberkesanan pendidikan Islam terbatas (Faezy Adenan et al., 2021). Dalam konteks yang lebih luas, usaha menggabungkan bahasa tempatan atau bahasa mudah difahami dengan kandungan Islam memerlukan penelitian yang teliti agar tidak menjejaskan ketulenan ilmu agama (Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, 2014; Muhammad Fikri, 2017). Justeru, wujud keperluan untuk meneliti secara lebih mendalam bagaimana integrasi bahasa dan agama dapat diaplikasikan secara berkesan dalam pendidikan Islam bagi menyokong kefahaman, penghayatan serta pembentukan sahsiah mualaf secara holistik

Metodologi Kajian

Metodologi merupakan aspek penting dalam memastikan sesuatu kajian bersifat ilmiah dan sistematik. Kualiti sesebuah penyelidikan banyak bergantung pada pemilihan metodologi yang tepat serta selari dengan objektif kajian. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan literatur sebagai kaedah utama. Menurut Fink (1998), tinjauan literatur ialah suatu proses yang terancang untuk mengenal pasti, menilai dan mentafsir hasil penulisan yang dihasilkan oleh penyelidik, sarjana serta pengamal dalam bidang tertentu. Hal ini bermaksud, tinjauan literatur berfungsi sebagai kajian kepustakaan yang melibatkan pembacaan dan analisis pelbagai sumber seperti buku, artikel jurnal, laporan penyelidikan serta penerbitan lain yang berkaitan dengan topik kajian (Marzali, 2016). Tujuan utama pendekatan ini adalah untuk memperoleh gambaran menyeluruh mengenai isu yang dikaji, mengenal pasti jurang kajian, serta menilai kelemahan dan kekuatan dapatan terdahulu (Blanche & Durheim, 1999).

Bagi memastikan kesahan dan ketepatan dapatan, kajian ini menetapkan kriteria pemilihan bahan seperti berikut: (i) sumber utama diambil daripada terbitan antara tahun 2000 hingga 2025 bagi menjamin data terkini dan relevan dengan konteks semasa, manakala karya klasik yang mempunyai nilai asas dalam pendidikan Islam tetap dirujuk; (ii) bahan yang dipilih merangkumi pelbagai jenis dokumen termasuk artikel jurnal berindeks, buku akademik, prosiding persidangan, laporan institusi serta dokumen dasar rasmi; dan (iii) setiap sumber

yang dipilih perlu mempunyai relevansi langsung dengan topik pendidikan Islam, peranan bahasa, serta pengalaman komuniti muallaf dalam konteks sosio-linguistik.

Proses analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis kandungan, iaitu satu teknik penyelidikan kualitatif yang melibatkan pemeriksaan, pengelasan dan penafsiran makna secara sistematik terhadap dokumen yang dikaji (Krippendorff, 2004). Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti tema-tema utama, pola serta hubungan antara bahasa dan agama dalam pendidikan Islam, seterusnya menilai implikasinya terhadap komuniti muallaf.

Tinjauan Literatur

Peranan Bahasa Dalam Pendidikan Islam

Bahasa memainkan peranan penting dalam pendidikan Islam, terutama bagi komuniti muallaf. Hal ini kerana bahasa berfungsi sebagai medium utama penyampaian ilmu dan kefahaman tentang ajaran agama. Penguasaan bahasa yang baik membolehkan muallaf memahami konsep asas Islam dengan lebih mendalam. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa ibunda dalam pendidikan Islam membantu meningkatkan kefahaman, mengurangkan kekeliruan, serta membina keyakinan diri dalam kalangan muallaf (Aqilah Abd Halim, 2019). Bahasa tempatan juga penting dalam dakwah, di mana ajaran agama dapat disampaikan dengan lebih relevan dan praktikal.

Dalam konteks antarabangsa, dapatan yang sama turut dilaporkan di Indonesia, apabila institusi pendidikan Islam menekankan penggunaan bahasa tempatan sebagai penghubung kepada pemahaman agama di samping penguasaan bahasa Arab (Fauzi, 2022). Kajian di United Kingdom pula mendapati bahawa muallaf sering berdepan cabaran bahasa apabila teks agama tidak diterjemahkan dengan tepat, sekali gus menjejaskan kefahaman dan proses penghayatan Islam (Sealy, 2021). Sementara itu, di benua Afrika, Abubakar (2020) menegaskan bahawa bahasa ibunda berperanan besar dalam memastikan kesinambungan pendidikan Islam yang lebih inklusif kepada muallaf, terutamanya di kawasan pedalaman yang kekurangan guru bertauliah.

Kesemua dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa ibunda dalam pendidikan Islam bukan sahaja memudahkan pemahaman, malah memperkukuh kefahaman akidah serta amalan beragama dalam kalangan muallaf.

Konsep Integrasi Bahasa Dan Agama

Konsep integrasi bahasa dan agama dalam Pendidikan Islam merujuk kepada penyatuan bahasa yang difahami oleh pelajar dengan penyampaian ajaran agama Islam. Bagi komuniti muallaf, yang kebanyakannya tidak mempunyai pelbagai latar belakang, integrasi ini menjadi sangat penting. Bahasa memainkan peranan utama dalam Pendidikan Islam, tetapi cabaran untuk muallaf memahami bahasa ini boleh menimbulkan kekeliruan dan menghalang kefahaman mendalam tentang ajaran agama. Oleh itu, penggunaan bahasa tempatan atau bahasa ibunda dalam proses pembelajaran membolehkan ajaran agama disampaikan dengan lebih jelas dan mudah dihayati oleh muallaf. Menurut Kajian Mohd Nizam (2013), isu kekurangan kemudahan pembelajaran mendapat liputan hebat di media cetak terutama masalah kekurangan bilangan guru agama yang berkelayakkan untuk mengajar muallaf saban tahun. Isu sebegini dikhuatiri akan menyumbang kepada faktor keciciran penguasaan ilmu agama dan mengakibatkan

peningkatan jumlah gejala murtad dalam kalangan mualaf di Malaysia. Ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di samping alat bantu mengajar yang terhad (Aqilah Abd Halim 2019).

Melalui integrasi bahasa dan agama, mualaf dapat lebih mudah memahami konsep keimanan, ibadah, aqidah serta etika Islam dalam konteks budaya dan kehidupan mereka sendiri. Ini bukan sahaja memudahkan pemahaman, tetapi juga memperkukuhkan hubungan emosi dan spiritual mereka dengan agama Islam. Tambahan pula, apabila ajaran Islam diajarkan dalam bahasa yang difahami, mualaf lebih mudah untuk mengamalkan ajaran agama tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Salah satu cabaran yang dihadapi sebahagian mualaf adalah faktor bahasa kerana adanya yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu, Wan Zuhaira (2018). Justeru, integrasi ini berperanan besar dalam mempercepatkan proses penghayatan dan pengukuhan keyakinan terhadap ajaran Islam. Dengan itu, pendekatan ini sangat relevan dan berkesan dalam memastikan Pendidikan Islam sampai kepada komuniti mualaf secara holistik dan berkesan. Kamarulzaman Kawi (2020), menurut beliau saudara kita lebih mudah menerima dakwah dan bimbingan dari pendakwah saudara kita atas beberapa sebab seperti kefasihan mereka dalam bahasa tempatan, pengetahuan berkaitan budaya sesuatu kaum dan pengalaman beragama mereka.

Pendidikan Islam Untuk Komuniti Mualaf

Pendidikan Islam untuk komuniti mualaf memainkan peranan penting dalam membimbing mereka memahami ajaran Islam dengan jelas dan mendalam. Mualaf yang baru memeluk Islam sering kali berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuk kekurangan pengetahuan tentang agama dan kesukaran memahami bahasa dalam pembelajaran agama Islam. Oleh itu, pendidikan Islam yang disesuaikan dengan keperluan mereka, terutama dalam bahasa yang difahami, amat diperlukan. Menurut Azarudin et al. (2022) bahawa jika seseorang kurangnya pengetahuan asas Islam, kefahaman dan penghayatan ajaran agama menjadi salah satu asbab mualaf gagal membangunkan identiti dan jati diri Muslim dengan sempurna. Melalui pendekatan ini, mualaf dapat mempelajari asas-asas Islam seperti akidah, ibadah, dan akhlak, serta memahami bagaimana ajaran Islam dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Guru yang berpengalaman dan modul pendidikan yang berstruktur juga memainkan peranan penting dalam membimbing mualaf ke arah pemahaman yang lebih mendalam.

Pendidikan yang efektif ini bukan sahaja membantu mereka mengukuhkan keimanan tetapi juga membina keyakinan dan identiti mereka sebagai Muslim. Melalui pendidikan yang relevan dan menyeluruh, mualaf dapat menghayati nilai-nilai Islam dan mengamalkannya dengan lebih berkesan. Implikasi Penggunaan Bahasa Tempatan Dalam Pendidikan Islam Kepada Komuniti Mualaf Penggunaan bahasa tempatan dalam Pendidikan Islam membawa implikasi yang besar kepada komuniti mualaf, terutama dalam memudahkan pemahaman mereka terhadap ajaran Islam. Apabila ajaran agama disampaikan dalam bahasa yang mereka fahami, mualaf lebih mudah untuk memahami konsep asas seperti keimanan, ibadah, dan etika Islam. Ini memudahkan proses pembelajaran, kerana mereka tidak perlu berhadapan dengan kekangan bahasa yang sering menjadi halangan untuk memahami ajaran yang disampaikan dalam bahasa tempatan. Penggunaan bahasa tempatan juga membantu mempercepatkan proses penghayatan ajaran Islam, menjadikan ajaran agama lebih relevan dan praktikal dalam kehidupan harian mualaf.

Selain itu, ia juga memperkukuh identiti agama mereka, kerana mereka dapat mengamalkan Islam dengan lebih yakin dan jelas dalam konteks budaya dan sosial yang mereka kenali. Namun, terdapat cabaran seperti risiko kehilangan makna asal ajaran agama apabila diterjemahkan, yang memerlukan pengawasan dan panduan daripada guru-guru yang mahir dalam kedua-dua bahasa dan ajaran agama. Kamarulzaman Kawi (2020), menurut beliau saudara kita lebih mudah menerima dakwah dan bimbingan dari pendakwah saudara kita atas beberapa sebab seperti kefasihan mereka dalam bahasa tempatan, pengetahuan berkaitan budaya sesuatu kaum dan pengalaman beragama mereka. Secara keseluruhan, penggunaan bahasa tempatan dalam Pendidikan Islam kepada mualaf memberikan peluang untuk mereka memahami Islam dengan lebih baik, namun perlu dilakukan dengan teliti bagi memastikan keaslian ajaran tetap terjaga. Menurut Nik Amirulmumin nik man, (2024), berkata penglibatan pendakwah mahupun guru agama perlulah menggunakan bahasa ibunda dalam mengajar kelas-kelas agama kerana kaedah itu lebih mudah difahami bagi mereka yang memeluk Islam supaya para mualaf lebih selesa untuk belajar tanpa rasa didiskriminasi.

Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Mualaf

Strategi pengajaran dan pembelajaran untuk mualaf perlu dirancang dengan teliti agar dapat memenuhi keperluan mereka dalam memahami ajaran Islam dengan lebih efektif. Salah satu strategi utama ialah menggunakan pendekatan bahasa yang mereka fahami, iaitu bahasa tempatan atau bahasa ibunda mereka. Ini penting kerana ia memudahkan penyampaian ajaran Islam, khususnya berkaitan konsep asas seperti tauhid, ibadah, dan akhlak. Selain itu, pendekatan yang berfokus pada keperluan individu mualaf, seperti memperkenalkan mereka kepada asas-asas agama Islam secara beransur-ansur, juga sangat penting. Menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan pengalaman, seperti bimbingan praktikal dalam ibadah harian, boleh membantu mualaf mengamalkan ajaran Islam dengan lebih mudah dan yakin.

Selain itu, para guru juga perlu menitik beratkan dalam penggunaan pelbagai bahasa dalam pengajian agar komuniti mualaf yang mempunyai pelbagai latar belakang bangsa dapat memahami ajaran Islam dengan sebaik mungkin. Menurut Wan Zuhaira, (2018), oleh itu, pelbagai agensi perlulah mengambil inisiatif seperti mengajar agama dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Mandarin, bahasa Tamil dan lain-lain bagi mengelakkan terjejasnya para mualaf dalam memahami dan mendalami ilmu agama. Penggunaan teknologi, seperti video, aplikasi, dan buku panduan dalam bahasa mereka, juga merupakan strategi yang berkesan dalam memberikan sokongan tambahan di luar kelas. Guru-guru atau pendakwah yang berperanan sebagai pembimbing perlu bukan sahaja menguasai ilmu agama dengan baik, tetapi juga memahami latar belakang budaya mualaf bagi menghubungkan ajaran Islam dengan kehidupan mereka secara relevan. Dengan strategi yang sesuai, proses pembelajaran bagi mualaf akan menjadi lebih holistik, mengukuhkan pemahaman dan keyakinan mereka dalam mengamalkan ajaran Islam.

Kerangka Teori

Model Pendidikan Islam yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali merupakan acuan penting dalam memahami konsep pendidikan berteraskan syariat Islam. Beliau dikenali sebagai pemikir agung sehingga mendapat gelaran *Hujjatul Islam*, khususnya kerana kepakarannya dalam pelbagai bidang ilmu seperti kalam, hikmah, falsafah dan tasawuf. Menurut Rusn Abiding Ibnu (1998), al-Ghazali berpendapat bahawa manusia memperoleh darjat yang mulia di sisi Allah SWT melalui pendidikan, ilmu, dan amal. Pendidikan menurut beliau bukan

sekadar penyampaian maklumat, tetapi suatu proses yang mengarahkan manusia kepada pengenalan, penghayatan, dan pendekatan diri kepada Allah SWT agar dapat mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Dalam konteks kajian ini, model al-Ghazali berkait rapat dengan keperluan integrasi bahasa dan agama dalam pendidikan Islam, khususnya bagi komuniti mualaf. Pengajaran agama tanpa penggunaan bahasa yang difahami boleh mengehadkan keberkesanan model al-Ghazali, kerana kunci kepada pembentukan insan yang seimbang dan beriman adalah kefahaman terhadap ajaran yang disampaikan. Kajian moden seperti *Al-Ghazali's Thoughts on Education and Its Relevance to Islamic Education in the Millennial Era* (Gunawan & Lestari, 2021) mengesahkan bahawa prinsip-prinsip al-Ghazali masih relevan bila digabung dengan pedagogi moden dan penggunaan medium yang sesuai agar pelajar benar-benar memahami dan menghayati ilmu agama.

Kesimpulan

Keseluruhan perbincangan mengenai konsep integrasi bahasa dan agama dalam pendidikan Islam bagi komuniti mualaf menunjukkan bahawa pendekatan yang berfokus pada penggunaan bahasa tempatan adalah kunci untuk memudahkan pemahaman dan penghayatan ajaran Islam. Penggunaan bahasa yang difahami oleh mualaf membolehkan mereka memahami konsep asas agama dengan lebih jelas dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian tanpa kekeliruan. Pendidikan Islam yang disesuaikan dengan keperluan mualaf, melalui strategi pengajaran yang berkesan dan relevan, memberi peluang kepada mereka untuk memperkukuhkan iman dan identiti sebagai seorang Muslim. Namun, penting untuk memastikan bahawa keaslian ajaran tetap terjaga semasa proses penerjemahan dan pengajaran. Dengan sokongan yang tepat daripada guru dan institusi pendidikan, mualaf dapat mengharungi perjalanan ke arah kefahaman yang mendalam mengenai Islam secara menyeluruh, seterusnya membentuk masyarakat Muslim yang kuat dan bersatu. Integrasi antara bahasa dan agama dalam pendidikan bukan sahaja memudahkan mualaf dalam memahami ajaran Islam tetapi juga berfungsi sebagai jambatan untuk mereka meneruskan perjalanan spiritual yang bermakna dan berkesan.

Cadangan

Kajian ini mencadangkan strategi penggunaan bahasa tempatan sebagai kaedah dalam penyampaian ilmu agama untuk mualaf. Kajian ini juga mengkaji bagaimana penggunaan bahasa ibunda membantu mempercepatkan pemahaman mualaf terhadap konsep-konsep asas Islam, seperti ibadah, akidah, dan akhlak, serta bagaimana bahasa tempatan boleh dijadikan alat dakwah yang lebih efektif dalam memahami pembelajaran. Selain itu, kajian ini perlu mengkaji cabaran yang mungkin timbul daripada proses penerjemahan ajaran agama ke dalam bahasa tempatan, termasuk risiko salah tafsir, serta mencadangkan penyelesaian seperti latihan bagi pendakwah dan guru agama untuk memastikan kefahaman yang jelas dan mendapat kefahaman secara holistik. Implikasi kepada komuniti mualaf dari segi perkembangan sosial, emosi dan budaya juga harus ditekankan, bagi memperlihatkan betapa pentingnya pendekatan ini dalam membina kehidupan masyarakat mualaf yang lebih kukuh dan berdedikasi dalam mengamalkan Islam.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada FRGS/1/2023/SS10/UITM/02/26 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan 600-RMC/FRGS 5/3 (053/2023) di bawah Universiti Teknologi Mara kerana menyediakan dana untuk penyelidikan yang dijalankan.

Rujukan

- A.Fink. (1998). *Conducting Research Literature Reviews: From Paper to Internet*. Thousand Oak: Sage
- Abubakar, M. (2020). The role of indigenous languages in Islamic education among converts in Nigeria. *African Journal of Islamic Studies*, 12(2), 55–70.
- Ab. Halim Bin Tamuri. (2021). Falsafah Pendidikan Islam Dalam Kalangan Mualaf. *Konvensyen Pendidikan Tinggi Islam Muallaf Di Malaysia*, 11–26
- Abdullah Ishak, (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Aqilah Abd Halim. 2019. Kaedah pengajaran dan pembelajaran fardhu ain dalam kalangan mualaf dewasa di
- Malis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Azarudin Awang, dan Azman Che Mat. (2022). Pola Hubungan Pasangan Suami Isteri Mualaf Dalam Pembentukan Keluarga Yang Harmoni. *Global Education Trends And Research: Challenges Faced In The World Of Education*
- Blanche, M. T., & Durrheim, K. (1999). *Research in practice: Applied methods for the social sciences*. University of Cape Town Press.
- Faezy Adenan, F., Mohd Nor, M., & Roslan, R. (2021). *Modul pendidikan mualaf: Analisis kandungan dan keberkesanan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Fauzi, A. (2022). *Pesantren dan integrasi bahasa tempatan dalam pendidikan Islam di Indonesia*. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 10(1), 13–27.
- Fishman, J. A. (2001). *Can threatened languages be saved? Reversing language shift, revisited: A 21st century perspective*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Geaves, R. (2015). *Islam and the new Muslim community in the UK*. London: Routledge.
- Gunawan, G., & Lestari, A. (2021). *Al-Ghazali's Thoughts on Education and Its Relevance to Islamic Education in the Millennial Era*. *AJIS: Academic Journal of Islamic Studies*, 6(1), 103–116.
- Gordon, R. G. (2018). *Ethnologue: Languages of the world* (21st ed.). Dallas, TX: SIL International.
- Institut Kajian Strategik Islam Malaysia. (2014). *Laporan kajian strategi dakwah mualaf di Malaysia*. Putrajaya: IKSIM.
- Muhammad Fikri Bin Norddin. (2017). *Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Terhadap Murid Beragama Islam Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*. Tesis PhD. Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Nizam Sahad, Siti Aishah Chu Abdullah & Suhaila Abdullah. (2013). *Malaysia new Report on Muslim Convert' Issues: A Study on Malaysiakini*. *International of Human Humanities and Social Science* 3: 219-230
- Kamarulzaman Kawi dan Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao. (2020). *Isu dan Cabaran Saudara Kita di Jabatan Agama Islam Sarawak [Issues and Challenges Mualaf in the Sarawak Islamic Religious Department]*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 28- 43

- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An introduction to its methodology* (2nd ed.). Sage Publications.
- Marzali, A. (2016). *Antropologi dan pembangunan Indonesia*. Kencana.
- Nik Amirulmumin Nik Man menerusi Sinar Harian (2024), Kaitan Akulturasi Budaya Dan Hubungan Antara Agama:Kajian Terhadap Komuniti Cina Pra Konversi di Negeri Terengganu Azarudin Awang (2016), UiTM Terengganu
- Rusn Abiding Ibnu. (1998). *Konsep pendidikan al-Ghazali*. Bandung: Pustaka Setia.
- Sealy, T. (2021). Language, identity, and conversion: Challenges of British converts to Islam. *Journal of Muslim Minority Affairs*, 41(4), 627–643.
- Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin, & Nur A'thiroh Masyaa'il Abdullah @ Tan Ai Pow. 2018. Dakwah Kepada Saudara Baru di Kelantan. *Fikiran Masyarakat*